

Kota Belud, Tawau dilanda banjir

KOTA KINABALU 2 Jan. - Hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan di daerah Tawau dan Kota Belud ditenggelami air dengan lebih 500 orang mangsa ditempatkan ke pusat pemindahan setakat ini.

Di Kota Belud, sebanyak 18 buah kampung dan beberapa laluan di daerah itu terputus hubungan antaranya di Kampung Ranggalau, Kampung Kota Belud, Kampung Lebak Engad, Kampung Sembirai, Kampung Taun Gusi Kerajinan, Kampung Sadok-Sadok, Kampung Tanjung Pasir Labuan, Kampung Menunggu dan Kampung Labuan.

Turut terjejas ialah Kampung Donggoi, Kampung Song-Song, Kampung Jawi-Jawi, Kampung Lebak Moyoh, Kampung Linau, Kampung Lentigi, Kampung Pengkalan Abai, Kampung Wakap dan Kampung Lingkodon.

Bagaimanapun di Tawau, 16 orang mangsa yang dipindahkan ke rumah Ketua Kampung Gading di Wakuba telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sekitar pukul 1 petang ini selepas paras air mulai surut.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, setakat pukul 7.30 malam ini, seramai 542 orang mangsa di Kota Belud telah ditempatkan di dua buah pusat pemindahan iaitu, di Dewan Tun Said dan Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa.

Jumlah itu dijangka bertambah ekoran hujan yang masih belum berhenti sehingga malam ini.

JBPM memaklumkan, paras air Sungai Lebak Moyoh di daerah itu berada di paras 5.5 meter iaitu paras bahaya.

Dalam pada itu, Setiausaha MKN negeri, Rodzi Md. Saad ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, bekalan logistik dan makanan di kawasan-kawasan yang ditenggelami air adalah mencukupi.

"Aset-aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya trak digerakkan dari Markas 5 Briged, Kem Lok Kawi sejak semalam.

"Bomba, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Sukarelawan (Rela) turut melaksanakan operasi

banjir di lapangan," katanya.

Di Sandakan, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman yang ditemui selepas merasmikan Majlis Graduasi Penuntut Eisteddfod Institute 2014 berkata, beliau telah meminta Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman yang juga Pengerusi Bencana Alam negeri untuk mengarahkan pegawai-pegawai daerah bersiap sedia berdepan bencana banjir.

"Sejak satu dua hari ini, hujan tidak berhenti. Kita akan terus memastikan persiapan berdepan bencana banjir.

"Setakat ini di Balung, Tawau dan Kota Belud sudah banjir dan ada yang dipindahkan ke tempat selamat. Pegawai daerah selaku pengerusi bencana alam di peringkat daerah masing-masing perlu memastikan bantuan disediakan kepada mangsa-mangsa banjir," jelasnya.

Sementara itu, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah mengaktifkan bilik gerakan di Kota Belud bagi memantau status bekalan elektrik khususnya di kawasan yang terlibat banjir:



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat Tawau memindahkan mangsa banjir setelah Kampung Rugading, Tawau, Sabah mula dilanda banjir semalam. - BERNAMA